

# TUNJANG 6: KEMANUSIAAN

UMUR 4 TAHUN



Fokus : (KM 5.0) Saya dan komuniti

Standard Kandungan : (KM 5.1) Mengamal semangat bermasyarakat.

Standard Pembelajaran : (KM 5.1.1) Bergaul mesra dan tolong menolong dengan bimbingan.

Penerapan : Kecekapan tenaga

Umur : 4 +

Tajuk : Amalan tolong menolong dalam penjimatan tenaga elektrik

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	1) Guru membawa sebuah bakul sambil berjalan mengelilingi kelas. Kemudian, guru berpura-pura penat dan meminta seorang murid membawa bakul tersebut	Bakul
Aktiviti 1 (5 min)	1. Guru menerangkan semangat tolong menolong antara manusia. 2. Murid memberi respon dan bercerita mengenai pengalaman mereka menolong ibu bapa di rumah.	
Aktiviti 2 (15 minit)	1. Guru menunjukkan beberapa kad imbasan gambar seperti peti sejuk terbuka, lampu yang menyala, televisyen yang sedang bersiaran dan air yang sedang mengalir di sinki. 2. Murid memberi respon terhadap gambar-gambar tersebut. 3. Guru menerangkan mengenai kad imbasan dan bertanya murid dimana boleh mereka melihat keadaan yang sama dengan kad imbasan tersebut. 4. Murid memberi respon kepada pertanyaan guru. 5. Guru menerangkan bagaimana untuk murid membantu situasi dalam kad imbasan tersebut. 6. Murid memberi idea mereka sambil dibimbing oleh guru.	Kad imbasan situasi
Aktiviti 3 (10 minit)	1) Murid membuat latihan dalam aktiviti Interaktif 7 dengan bimbingan guru.	Aktiviti Interaktif dalam komputer
Penutup (5 minit)	1) Guru membuat rumusan pembelajaran.	



Fokus : (KM 6.0) Saya dan alam sekitar (4+)

Standard Kandungan : (KM 6.0) Memahami perhubungan antara manusia dan alam sekitar

Standard Pembelajaran : (KM 6.2.1) Bercerita dengan bimbingan guru tentang kepentingan air dan matahari kepada kehidupan manusia.

Penerapan : Kecekapan tenaga

Umur : 4+

Tajuk : Hubungan antara manusia, air dan matahari

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar						
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Guru menunjukkan video matahari terbit dan terbenam dan video pelbagai jenis air seperti laut, sungai, air terjun dan lain-lain.</li> <li>Murid memberi respon kepada guru.</li> </ol>	Video matahari terbit dan tenggelam, video pelbagai jenis punca air laptop						
Aktiviti 1 (10 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Guru bertanya dan bersoal jawab dengan murid mengenai kegunaan air dan matahari dalam kehidupan seharian manusia.</li> <li>Murid memberi respon dan berkongsi pengalaman mereka mengenai air dan matahari.</li> </ol>							
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Guru menyediakan kad imbasan gambar air dan matahari serta gambar kegunaan air dan matahari.</li> </ol> <table border="1" data-bbox="517 1473 1069 1742" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Bahan</th> <th>Kegunaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Matahari</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menjemur kain</li> <li>Menentu arah</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Air</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Minum</li> <li>Membersih pakaian dan diri</li> <li>Memasak</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	Bahan	Kegunaan	Matahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjemur kain</li> <li>Menentu arah</li> </ul>	Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minum</li> <li>Membersih pakaian dan diri</li> <li>Memasak</li> </ul>	Kad imbasan gambar matahari, air dan kegunaannya
Bahan	Kegunaan							
Matahari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjemur kain</li> <li>Menentu arah</li> </ul>							
Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minum</li> <li>Membersih pakaian dan diri</li> <li>Memasak</li> </ul>							



Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Aktiviti 3 (10 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menerangkan dengan lebih terperinci kegunaan matahari yang boleh menjimatkan tenaga elektrik seperti penggunaan solar, mengeringkan pakaian tanpa menggunakan mesin pengering, memberi cahaya dan lain-lain lagi.</li> <li>2. Murid memberi respon terhadap penjelasan guru.</li> <li>3. Membuat latihan dalam aktiviti Interaktif dengan bimbingan guru.</li> </ol>	Aktiviti Interaktif
Penutup (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru membuat rumusan pembelajaran.</li> </ol>	





Fokus : (KM 7.0) Saya dan warisan budaya

Standard Kandungan : (KM 7.1) Mengenal pakaian tradisional masyarakat Malaysia.

Standard Pembelajaran : (KM 7.1.1) Bercerita tentang pakaian masyarakat di persekitaran.

Penerapan : Kecekapan tenaga

Umur : 4 +

Tajuk : Hubungan pakaian dan peralatan elektrik

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menunjukkan beberapa jenis pakaian mengikut kaum di Malaysia.</li> <li>2. Guru meminta beberapa orang murid memakai pakaian tersebut.</li> <li>3. Murid dan guru bersoal jawab mengenai jenis pakaian mengikut kaum di Malaysia.</li> </ol>	Baju kurung, baju Melayu, sari, cheongsam, dhoti,
Aktiviti 1 (5 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru melekatkan kad imbasan muka manusia berdasarkan kaum.</li> <li>2. Kemudian guru menyediakan satu kotak yang mengandungi beberapa kad imbasan gambar mengikut kaum.</li> <li>3. Murid perlu memancing dan melekatkan kad imbasan yang dipancing di kad muka manusia berdasarkan pakaian mengikut jenis kaum di Malaysia.</li> <li>4. Murid memberi respon kepada arahan guru.</li> </ol>	kad imbasan gambar pakaian mengikut kaum di Malaysia, kad imbasan muka manusia mengikut kaum, pancing mainan, kotak,
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menunjukkan sehelai pakaian yang kedut dan menanyakan kepada murid alatan elektrik apa yang boleh digunakan untuk menjadikan pakaian tersebut cantik.</li> <li>2. Murid memberi respon kepada pertanyaan guru.</li> <li>3. Guru menerangkan cara menggunakan seterika dengan selamat dan menggunakan seterika dengan menjimatkan tenaga elektrik.</li> <li>4. Murid memberi respon kepada guru.</li> </ol>	Aktiviti Interaktif .



Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Aktiviti 3 (10 minit)	1. Murid membuat aktiviti di dalam komputer dengan bimbingan guru.	Aktiviti interaktif komputer
Penutup (5 minit)	1. Guru membuat rumusan pembelajaran.	



Fokus : (KM 7.0) Saya dan warisan budaya

Standard Kandungan : (KM 7.3) Mengenal permainan tradisional pelbagai kaum Malaysia.

Standard Pembelajaran : (KM 7.3.3) Bermain permainan tradisional pelbagai kaum masyarakat Malaysia.

Penerapan : Kecekapan tenaga

Umur : 4 +

Tajuk : Hubungan pakaian dan peralatan elektrik

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menyanyikan lagu 'Nenek Si Bongkok Tiga'.</li> <li>2. Murid memberi respon kepada guru.</li> </ol>	Laptop Lagu 'Nenek Si Bongkok Tiga'
Aktiviti 1 (5 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menerangkan kepada murid cara bermain permainan '<i>Nenek Si Bongkok Tiga</i>' dan guru menerangkan permainan ini merupakan permainan tradisional masyarakat Melayu.</li> <li>2. Guru juga menerapkan elemen penjimatan tenaga elektrik melalui permainan ini dapat mengurangkan murid menonton televisyen dan bermain permainan video di komputer.</li> <li>3. Murid memberi respon kepada penjelasan guru.</li> <li>4. Guru memperkenalkan permainan tradisional masyarakat kaum lain juga.</li> </ol>	
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid bermain permainan '<i>Nenek Si Bongkok Tiga</i>' dengan bimbingan guru.</li> </ol>	Kain Penutup Mata
Aktiviti 3 (10 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid melakukan aktiviti pengukuhan dengan membuat latihan dalam Interaktif dengan bimbingan guru.</li> </ol>	Aktiviti Interaktif
Penutup (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru membuat rumusan pembelajaran.</li> </ol>	



Fokus : (KM 7.0) Saya dan Warisan Budaya  
 Standard Kandungan : (KM 7.1) Mengenal pakaian tradisional masyarakat Malaysia.  
 tandard Pembelajaran : (KM 7.1.1) Bercerita tentang pakaian masyarakat Malaysia di persekitaran

Penerapan : Kecekapan Tenaga

Umur : 4+  
 Tajuk : Mencuci dan Menggosok Pakaian Traditional

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru menunjukkan video mengenai perayaan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia ( Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali).</li> <li>2) Murid diminta menyatakan pakaian yang dipakai oleh kaum tersebut pada hari perayaan mereka.</li> <li>3) Guru menerapkan tentang kebersihan pakaian-perlu dibasuh. Elakkan pembaziran tenaga elektrik semasa membasuh pakaian.</li> <li>4) Bagaimanakah cara kita menjimatkan tenaga elektrik apabila membasuh menggunakan mesin basuh.</li> </ol>	
Aktiviti 1 (5 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru menunjukkan beberapa jenis pakaian mengikut kaum di Malaysia:           <ul style="list-style-type: none"> <li>Melayu               <ul style="list-style-type: none"> <li>Baju kurung</li> <li>Baju melayu</li> </ul> </li> <li>Cina               <ul style="list-style-type: none"> <li>Cheongsam</li> <li>Samfoo</li> </ul> </li> <li>India               <ul style="list-style-type: none"> <li>Sari</li> <li>Dhoti</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>2) Guru bertanya soalan. Apakah pakaian tradisional bagi setiap kaum di Malaysia.</li> </ol>	





Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Beberapa orang murid diminta memakai pakaian mengikut kaum dan menggayakannya di hadapan kelas.</li> <li>2) Guru meminta murid lain meneka nama pakaian tersebut dengan bimbingan guru.</li> </ol>	
Aktiviti 3 ( 10 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid diminta memadankan jenis pakaian mengikut kaum di Malaysia.</li> <li>2) Murid memilih pakaian yang betul dengan bimbingan guru.</li> <li>3) Guru bertanya satu situasi kepada murid.</li> </ol> <p>Sekiranya baju kita berkedut, apakah yang perlu kita lakukan?</p> <p>Bagaimana cara untuk kita menjimatkan tenaga elektrik apabila menggosok pakaian?</p>	
Penutup ( 5 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru meminta murid menyatakan semula jenis pakaian mengikut kaum di Malaysia.</li> <li>2) Guru merumuskan cara untuk menjimatkan tenaga elektrik apabila menggunakan seterika.</li> </ol>	



Fokus : (KM 8.0) Saya dan Negara Malaysia  
 Standard Kandungan : (KM 8.3) Mengetahui simbol awam  
 Standard Pembelajaran :(KM 8.3.1) Mengenali simbol yang biasa dijumpai di persekitaran seperti:  
 Tandas lelaki dan tandas perempuan  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur : 4+  
 Tajuk : Amalan penjimatan tenaga Elektrik semasa menggunakan tandas

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru melakukan aksi ingin membuang air kecil dan cepat-cepat ke tandas. Murid tertanya-tanya tentang aksi yang ditunjukkan oleh guru.</li> <li>2) Murid bertanya sebab guru beraksi sedemikian.</li> <li>3) Guru mengaitkan aksi yang dilakukan dengan bertanya kepada murid. Sekiranya kita mahu buang air kecil atau besar, kita akan.....?</li> </ol>	
Aktiviti 1 (10 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru menunjukkan kepada murid beberapa jenis simbol yang biasa ditemui di mana-mana.</li> <li>2) Guru bertanya mengenai simbol yang biasa menunjukkan tandas. Tandas lelaki Tandas perempuan</li> <li>3) Murid mengecam simbol yang ditunjukkan oleh guru.</li> </ol>	
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru meminta murid menceritakan cara menjaga tandas dengan baik.</li> <li>2) Guru memberi penerangan tentang cara penjagaan tandas dan peraturan semasa menggunakan tandas : Menjaga kebersihan Sentiasa menarik 'flush' selepas menggunakan tandas. Elakkan pembaziran air dan elektrik.</li> </ol>	
Penutup ( 5 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid menyanyikan lagu 'Jimat Tenaga' dengan bimbingan oleh guru.</li> </ol>	



Fokus	:	(KM 2.0) Saya dan keluarga
Standard Kandungan	:	(KM 2.2) Mengetahui rumah kediaman diri
Standard Pembelajaran	:	(KM 2.2.1) Bercerita dengan bimbingan tentang rumah kediaman sendiri.
Penerapan	:	Kecekapan Tenaga
Umur	:	4+
Tajuk	:	Amalan Berhemah di Rumah

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	1)Guru menunjukkan gambar pelbagai jenis rumah kediaman kepada murid. 2)Gambar diambil daripada keratan gambar majalah, pamflet atau akhbar. 3)Guru memberi contoh gambar rumah kediaman seperti rumah pangsa, apartmen, teres, banglo, rumah papan, rumah air dan apartmen.	
Aktiviti 1 (10 min)	1)Murid diminta menceritakan jenis rumah yang diduduki dan perasaan mereka terhadap rumah kediaman tersebut. 2)Guru memberi penerangan tentang peraturan yang mesti diikuti semasa di rumah . 3)Guru bertanya soalan kepada murid. Mengenai peraturan tersebut. Apakah peraturan bagi mengelakkan pembaziran elektrik semasa di rumah? (contoh : menggunakan tandas).	
Aktiviti 2 (10 minit)	1) Guru meminta membuat perbandingan terhadap dua keadaan rumah yang berbeza iaitu: bersih dan kemas Bersepah 2)Murid diminta memilih rumah yang ingin diduduki.	
Aktiviti 3 ( 10 minit )	1)Murid diberikan sebuah rumah yang lengkap tetapi tidak mengikuti peraturan yang sepatutnya dan bersepah. 2)Murid diminta menjadikan rumah tersebut ‘Rumah Idamanku’ dengan menyusun kembali rumah tersebut (klik pada gambar).	Aktiviti interaktif
Penutup ( 5 minit )	1)Guru mengingatkan kembali murid-murid mengenai peraturan yang perlu diikuti semasa di rumah. 2)Guru membuat kesimpulan tentang isi pelajaran.	



Fokus : (KM 4.0) Saya dan sekolah  
 Standard Kandungan : (KM 4.1) Mengetahui sekolah saya  
 Standard Pembelajaran : (KM 4.1.3) Menjalankan tanggungjawab sebagai ahli kelas seperti:  
 Mematuhi peraturan kelas.  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur : 4+  
 Tajuk : Amalan Berhemah di bilik Darjah

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set in- duksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid menonton video 'Upin dan Ipin' yang dipersembahkan di layar putih (Tajuk-Tadika).</li> <li>2) Guru mengaitkan video yang dipertontonkan dengan tajuk yang akan dipelajari iaitu 'kelas saya'.</li> </ol>	
Aktiviti 1 (5 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru menunjukkan dua suasana bilik darjah yang berbeza:  <div style="text-align: center;">Kemas Bersepah</div> </li> <li>2) Murid diminta membuat perbandingan antara dua kelas tersebut.</li> </ol>	
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru meminta murid menyatakan cara untuk mewujudkan kelas yang selesa.</li> <li>2) Murid menyebut beberapa cara untuk menghasilkan kelas yang selesa.</li> <li>3) Guru menyatakan peraturan yang mesti murid ikuti bagi memastikan kelas sentiasa kemas dan selesa.</li> <li>4) Guru memberi contoh seperti Murid perlu menggunakan kemudahan elektrik seperti lampu dan kipas mengikut keperluan sahaja-elakkan pembaziran</li> </ol>	
Aktiviti 3 ( 10 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru membuat satu bilik darjah yang tidak tersusun dalam aktiviti interaktif.</li> <li>2) Murid diminta menyusun kembali kelas tersebut dengan klik pada gambar.</li> <li>3) Murid yang lain menyatakan peraturan kelas (aktiviti 2) dengan bimbingan guru.</li> </ol>	Aktiviti interaktif
Penutup ( 5 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru membuat kesimpulan tentang pelajaran yang dipelajari pada hari tersebut.</li> </ol>	





Tunjang : Kemanusiaan  
 Fokus : (KM 7.0) Saya dan Warisan Budaya  
 Standard Kandungan : (KM 7.6) Mengenal makanan tradisional pelbagai kaum Malaysia  
 Standard Pembelajaran : (KM 7.6.1) Mengecam makanan tradisional  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur : 4+  
 Tajuk : memasak secara traditional

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (5 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid meneka kuih yang dihidangkan oleh guru di atas meja.</li> <li>2) Guru menerangkan tentang kuih bahulu (kaitkan dengan kuih tradisional).</li> </ol>	
Aktiviti 1 (5 min)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Guru menunjukkan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kuih bahulu dan cara memasaknya</li> <li>2) Guru menjelaskan cara memasak bahulu dengan menggunakan dapur kayu atau dibakar dengan ketuhar</li> <li>3) Guru bertanya kepada murid, cara manakah yang menjimatkan tenaga elektrik.</li> <li>4) Jika menggunakan ketuhar, guru bertanya soalan, bagaimanakah tenaga elektrik boleh diijimatkan.</li> <li>5) Murid melihat bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kuih bahulu.</li> </ol>	
Aktiviti 2 (15 minit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid memilih gambar bahan yang digunakan untuk membuat kuih bahulu dan memasukkan ke dalam mangkuk yang disediakan dengan bimbingan guru..</li> <li>2) Murid menggunakan perisian interaktif.</li> </ol>	
Penutup ( 5 minit )	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Murid memakan kuih bahulu dan menceritakan semula di hadapan kelas mengenai rasa kuih tersebut.</li> <li>2) Guru membuat kesimpulan tentang pembelajaran hari ini.</li> </ol>	



Fokus : ( KM 7.0) Saya dan Warisan Budaya  
 Standard Kandungan : ( KM 7.6 ) Mengetahui makanan tradisional pelbagai kaum Malaysia.  
 Standard Pembelajaran : ( KM 7.6.1) Mengetahui makanan tradisional pelbagai kaum Malaysia.  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur :4+  
 Tajuk : Memasak secara tradisional

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (3 minit)	1) Guru memberikan murid merasa kuih baulu, bangkit dan juga dodol. 2) Guru bertanyakan perbezaan : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warna</li> <li>• Bentuk</li> <li>• Rasa</li> </ul>	video, makanan tradisional,tepung, udang, taueh, telur
Aktiviti 1 (12 min)	1) Guru menunjukkan video tentang cara membuat baulu secara tradisional dan moden. 2) Guru bertanyakan perbezaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan elektrik</li> <li>• Membakar menggunakan sabut kelapa dan juga ovan.</li> </ul> 3) Murid menceritakan pengalaman yang pernah dilalui.	
Aktiviti 2 (20 minit)	1) Guru kuih tradisional iaitu cucur udang bersama murid. 2) Setiap murid diberi peluang untuk menggoreng.	
Aktiviti 3 ( 10 minit)	1) Murid bersama guru mencuba cucur udang yang telah dibuat .	
Penutup ( 5 minit )	1) Guru bertanyakan tentang perasaan murid tentang pengalaman mereka semasa membuat cucur udang.	



Fokus : ( KM 5.0 ) Saya dan Komuniti  
 Standard Kandungan : ( KM 5.3 ) Menyambut perayaan mengikut kaum di masyarakat Malaysia.  
 Standard Pembelajaran : ( KM 5.3.1) Menyatakan perayaan yang terdapat di Malaysia  
 ( contoh : Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavalee, Hari Gawai, Hari Keamatan, Krismas)  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur :4+  
 Tajuk :Perayaan dan Amalan Penjimatan tenaga Elketrik

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (3 minit)	1) Guru membawa makanan yang berbeza: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketupat</li> <li>• Maruku</li> <li>• Kuih bulan</li> </ul> 2) Murid memberitahu perbezaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk</li> <li>• Rasa</li> <li>• Warna</li> <li>• Untuk perayaan yang berbeza</li> </ul>	makanan hari raya, video, kertas, gunting
Aktiviti 1 (20 min)	1) Guru menunjukkan video tentang sambutan Hari Raya. 2) Guru bertanya tentang pengalaman murid semasa menyambut perayaan. 3) Guru bertanya suasana hari raya: Jawapan murid: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bunyi mercun</li> <li>• Lampu pelbagai warna</li> <li>• Langsir ditukar</li> </ul> 4) Guru memberitahu cara mengurangkan penggunaan elektrik : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lampu ditukar dengan pelita</li> <li>• Kurangkan menonton televisyen</li> </ul>	Video gambar
Aktiviti 2 (22 minit)	1) Guru membuat sarung tanglung bersama murid. 2) Kertas A4 yang bercetak gambar dan garisan diberikan kepada murid. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid mewarna gambar dan garisan</li> <li>• Murid melipat kertas secara memanjang</li> <li>• Murid menggantung mengikut garisan</li> <li>• Murid mencantum kertas yang digunting dengan gam</li> <li>• Murid menampal tangkai pada sarung tanglung.</li> <li>• <a href="http://cikguani.blogspot.com/2009/03/tema-perayaan.html">http://cikguani.blogspot.com/2009/03/tema-perayaan.html</a></li> <li>• <a href="http://praskjengka8.blogspot.com/2010/09/tema-perayaan-tanglungtanglung.html">http://praskjengka8.blogspot.com/2010/09/tema-perayaan-tanglungtanglung.html</a></li> </ul>	Gambar Kertas Laman web



Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Penutup ( 5 minit )	1) Murid mempamerkan hasil kerja masing-masing	





Fokus : ( KM 7.0) Saya dan Warisan Budaya  
 Standard Kandungan : ( KM 7.4) Mengenal seni dan kraf tradisional pelbagai kaum Malaysia.  
 Standard Pembelajaran : ( KM 7.4.1) Mengenal pelbagai jenis seni dan kraftangan dan peralatan berunsur budaya pelbagai kaum masyarakat Malaysia  
 Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur :4+  
 Tajuk : Memasak dengan Tenaga Solar

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (3 minit)	1) Guru menunjukkan video lagu 'Cintai Kraft Malaysia'	doh (tepung, garam, minyak, air), video
Aktiviti 1 (20 min)	1) Guru menunjukkan video cara pembuatan labu sayung secara tradisional dan moden. 2) Guru menunjukkan labu sayung yang sebenar kepada murid.	Video Labu sayung
Aktiviti 2 (12 minit)	1) Setiap murid diberikan doh dan membentuk labu sayung. 2) Murid akan mereka corak yang mereka suka menggunakan lidi dengan bimbingan guru. 3) Murid menjemur hasil mereka di bawah cahaya matahari.	Doh
Penutup ( 5 minit )	1) Guru mempamerkan hasil kerja murid.	



Fokus : (KM 8.0) Saya dan Negara Malaysia  
 Standard Kandungan : ( KM 8.3) Mengetahui Simbol Awam  
 Standard Pembelajaran : ( KM 8.3.1)Menenal simbol yang biasa dijumpai di persekitaran seperti :  
 Tandas lelaki dan tandas perempuan

Penerapan : Kecekapan Tenaga  
 Umur :4+  
 Tajuk :Amalan Berhemah sebelum dan selepas memasuki tandas

Fasa	Aktiviti	Bahan Bantu Mengajar
Set induksi (3 minit)	1) Menunjukkan simbol tandas lelaki dan perempuan. 2) Murid meneka simbol	gambar MS Powerpoint
Aktiviti 1 (10 min)	1) Guru menyatakan cara memasuki tandas dan menunjukcara: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baca doa masuk tandas</li> <li>• Langkah kaki kiri</li> <li>• Sebelum keluar basuh tangan</li> <li>• Baca doa keluar tandas</li> <li>• Langkah kaki kanan</li> </ul>	
Aktiviti 2 (5 minit)	1) Guru menunjukkan cara mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buka dan tutup suis lampu</li> <li>• Kalau tandas cerah tidak perlu buka lampu.</li> </ul>	
Aktiviti 3 ( 17 minit)	1) Guru mengajar baca doa masuk dan keluar tandas dengan betul. 2) Guru tunjuk video doa	video
Penutup ( 3 minit )	1) Murid drag simbol tandas lelaki dan perempuan kepada gambar tandas yang terdapat seseorang yang ingin memasukinya samaada lelaki ataupun perempuan.	

